

Bitara

eISSN : 2805-5470

UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

BIL. 2 / 2024



Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2024



© Penerbit UTHM
Terbitan Kedua 2024

Hak cipta terpelihara. Dilarang untuk menghasilkan semula mana-mana artikel, ilustrasi dan kandungan buletin ini dalam apa jua bentuk elektronik, mekanikal fotokopi, rakaman atau apa-apa bentuk tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Pejabat Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, Batu Pahat, Johor.

Diterbit oleh:

Penerbit UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
86400 Parit Raja,
Batu Pahat, Johor
No. Tel: 07-453 8698/8529
No. Faks: 07-453 6145

Redaksi BITARA

Penaung

Prof. Ts. Dr. Rabiah binti Ahmad

Penasihat

Prof. Madya Dr. Akmal Nizam bin Mohammed

Ketua Editor

Dr. Shazaitul Azreen binti Rodzalan

Sidang Editor

Dr. Shazaitul Azreen binti Rodzalan |
En. Idris bin Johar | Cik Yuniza binti Asri |
Cik Nurhuda binti A Malik | En. Amirul bin Rosli |
Pn. Aida Maryani binti Abd Wahab |
Cik Farah Damia binti Iskandar

Konsep dan Rekaan

Dr. Shazaitul Azreen binti Rodzalan |
En. Idris bin Johar | Cik Yuniza binti Asri |
Cik Nurhuda binti A Malik

Penyumbang Berita

Pejabat Penerbit | I²E | iSWAJ | ICC | MyREI |
TRANSFORM | RMC | ICRC

Percetakan

Pejabat Penerbit UTHM

Isi Kandungan

04-09

Aktiviti Pejabat Penerbit

10-11

Aktiviti I²E

12-13

Aktiviti iSWAJ

14-15

Aktiviti ICC

16-17

Aktiviti MyREI

18-19

Aktiviti TRANSFORM

20-21

Aktiviti RMC

22-23

Aktiviti ICRC

Redaksi BITARA mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Pejabat/Pusat/Unit dan individu-individu yang telah menghantar sumbangan bagi penerbitan BITARA ini. Redaksi mengalu-alukan berita daripada semua pihak untuk keluaran BITARA yang seterusnya. Sumbangan rencana dan berita boleh dihantar kepada alamat e-mel sofia@uthm.edu.my

Sekilas Bicara

Assalamualaikum, Salam Perpaduan dan Salam Malaysia Madani,

Alhamdulillah Syukur kehadiran Ilahi dengan izin-Nya dapat saya mencatat sepatah dua kata di dalam Buletin Bitara Bil. 2, tahun 2024.

Terlebih dahulu saya ingin ucapkan syabas dan tahniah kepada warga kerja Buletin Bitara yang berjaya menjadikan Buletin Bitara ini sebagai salah satu medium dan platform bagi menghebahkan kegiatan aktiviti-aktiviti kecemerlangan dalam penyelidikan (R&D) dan aktiviti di bawah Pejabat TNCPI. Ini dilihat dapat mendukung inspirasi universiti, dalam menghadapi cabaran yang semakin kompetitif.

Syabas kepada Penerbit UTHM kerana penglibatan dalam PBAKL 2024 yang lepas dan diharapkan dengan penglibatan tahunan ini memberi lebih impak kepada Penerbit UTHM untuk menjadi lebih cemerlang dalam menerbitkan buku dan jurnal yang berkualiti.

Sejujur dan ikhlasnya saya yakin kita akan terus dapat mencapai objektif untuk menjadikan Penerbit UTHM lebih dikenali dan terus berjaya di masa masa yang akan datang.

Akhir kata saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada Penerbit UTHM semoga dengan penglibatan di PBAKL 2024 ini dapat meletakkan Penerbit UTHM sebagai salah satu Penerbit tersohor di Malaysia, Insha-Allah.

**Prof. Madya Dr. Akmal Nizam
bin Mohammed**
Pengarah
Pejabat Penerbit
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia



'Budaya Membaca Membentuk Keperibadian Unggul Masyarakat Madani' tema PBAKL kali ke-41

Kuala Lumpur – Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2024 (PBAKL) telah diadakan pada 24 Mei hingga 2 Jun 2024 bertempat di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL). Acara tahunan tersebut melibatkan kesemua Penerbit Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), pusat penyelidikan di Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) serta penerbit swasta dalam dan luar negara. Dengan tema "Budaya Membaca Membentuk Keperibadian Unggul Masyarakat Madani", PBAKL kali ini diadakan secara hibrid iaitu secara bersemuka dan dalam talian sebagai usaha memartabatkan buku bagai sumber ilmu pengetahuan.

PBAKL 2024 mengumpulkan penerbit, penulis dan pengunjung dari pelbagai latar belakang untuk berkongsi kecintaan mereka terhadap buku dan budaya membaca. Sebanyak 811 reruai disediakan bagi 138 pempamer termasuk 30 pempamer antarabangsa. Terdapat pelbagai aktiviti telah dilaksanakan oleh penerbit-penerbit di seluruh rantau ini, sekali gus merencanakan sambutan dan kemeriahan PBAKL 2024. Majlis Perasmian PBAKL 2024 telah berlangsung pada 30 Mei 2024, jam 3 petang di Pentas Utama, WTCKL oleh Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim.

Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) tidak ketinggalan untuk menyertai PBAKL kali ke-41 ini. Pada 31 Mei 2024, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, YBhg. Dato' Sri Ibrahim Ahmad berkesempatan hadir ke reruai Penerbit UTHM bersama-sama Pengarah Penerbit, Prof. Madya Dr. Akmal Nizam Mohammed, Pegawai Penerbitan Kanan Unit Pemasaran, Dr. Nurhafiza Hamzah dan beberapa warga UTHM yang lain.



Slot Republika Merah sesi temu dan sembang santai.

31 Mei 2024 - Penerbit UTHM telah mengisi slot Republika Merah dengan satu sesi temu dan sembang santai. Sesi ini diadakan bersama seorang panel penulis buku yang berjudul '8 Rahsia Praktikal Cepat Pandai' iaitu Prof. Dr. Mas Fawzi Mohd Ali. Bertempat di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur, sesi temu bual selama satu jam ini turut diadakan secara siaran langsung melalui *Facebook Live* di laman rasmi Penerbit UTHM dan Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM). Perkongsian santai ini dikendalikan oleh dua orang *moderator* iaitu Dr. Nurhafiza Hamzah dan En. Amirul Rosli dari Unit Pemasaran Penerbit UTHM. Prof. Dr. Mas Fawzi yang juga merupakan Penolong Naib Canselor, Strategik & Kualiti UTHM berkongsi tentang cara yang mudah untuk kita menguasai ilmu. Rahsia-rahsia tersebut dapat membantu pembaca menyelesaikan masalah dalam pembelajaran serta mengubah persepsi proses pembelajaran biasa kepada luar biasa.





Slot Republika Merah bagi Majlis Pelancaran Buku Terbitan Penerbit UTHM

1 Jun 2024 - Penerbit UTHM telah mengadakan Majlis Pelancaran Buku Terbitan Penerbit UTHM bersempena slot Republika Merah pada jam 3.00 petang. Majlis yang berlangsung selama satu jam di kedua-dua platform *Facebook live* iaitu laman rasmi Penerbit UTHM dan Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM) memaparkan sebanyak 14 buah buku ilmiah dan 22 buah buku teks telah dilancarkan pada program kali ini.

Majlis dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh YBhg. Prof. Madya Dr. Akmal Nizam Mohammed selaku Pengarah Penerbit UTHM. Acara kemudiannya diteruskan dengan penerangan ringkas oleh beberapa orang panel penulis iaitu Prof. Madya Ts. Gs. Dr. Sulzakimin bin Mohamed, Ts. Dr. Tengku Nur Azila Raja Mamat, Prof. Madya Ir. Dr. Mohd Adib Mohammad Razi dan Ir. Haji Shamsulakmar Abdul Munir mengenai buku masing-masing. Turut hadir, YBhg. Prof. Ir. Dr. Mohd Amri Lajis, Ahli Lembaga Pengarah universiti selaku Wakil Senat untuk menyempurnakan majlis pelancaran buku tersebut.

Secara keseluruhannya, PBAKL 2024 menunjukkan kelainan dari segi aktiviti-aktiviti yang menarik dianjurkan oleh setiap institusi penerbitan seperti bual bicara, peraduan mewarna, sesi tandatangan dan bergambar bersama penulis dan banyak lagi. PBAKL 2024 menunjukkan peningkatan permintaan terhadap buku-buku ilmiah selain daripada novel-novel yang biasanya menjadi pilhan pembaca.

Mohd Khair Ngadiron, Pengerusi Pengelola PBAKL 2024 juga mengatakan bahawa acara tahunan ini menunjukkan petanda positif kerana pembeli-pembeli buku kebanyakannya terdiri dalam golongan muda. PBAKL kali ke-41 ini telah melabuhkan tirai pada 2 Jun 2024, jam 8 malam di Pentas Utama, WTCKL. Majlis Penutupan ini disempurnakan oleh Menteri Pendidikan, YB Fadhlina Sidek. Acara tahunan PBAKL 2024 ini diadakan untuk menyokong perkembangan budaya membaca dan penghasilan ilmu pengetahuan yang berterusan. Sebagai salah satu penerbit yang komited dalam menyumbang kepada industri penerbitan, Penerbit UTHM berbangga untuk turut serta dalam acara PBAKL 2024 pada tahun ini.

Bengkel Penilaian Artikel IJIE Bidang Elektrik

6 Ogos 2024 – Seramai 27 peserta yang terdiri daripada editor-editor *International Journal of Integrated Engineering* (IJIE) Bidang Elektrik dan staf Bahagian Jurnal Prosiding dan Pengindeksan telah menyertai Bengkel Penilaian Artikel IJIE Bidang Elektrik anjuran Penerbit UTHM.

Bengkel ini diadakan bertujuan untuk menangani lambakan artikel dalam *Open Journal System* (OJS) dengan mengemas kini artikel-artikel yang diterima. Langkah ini penting bagi memastikan proses penerbitan artikel dalam jurnal IJIE berjalan lancar dan mengikut tempoh yang ditetapkan.

Bengkel ini merupakan satu inisiatif oleh Penerbit UTHM dalam usaha memastikan setiap artikel yang diterima dapat diproses mengikut tempoh masa yang ditetapkan. Selain dapat meningkatkan kualiti penerbitan, bengkel ini juga dilihat memperkukuhkan reputasi jurnal IJIE sebagai sebuah platform penerbitan ilmiah yang berkualiti tinggi.



Bengkel Pengindeksan dan Pembangunan Editor



Seramai 14 Ketua Editor Jurnal dan Prosiding UTHM telah menyertai Bengkel Pengindeksan dan Pembangunan Editor yang telah diadakan selama dua hari bermula 25 hingga 27 April 2024 di Hotel Amerin, Johor Bahru.

Bengkel ini dikendalikan oleh penceramah jemputan iaitu, Prof. Ts. Dr. Md. Mustafizur Rahman dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dan Automotif, Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA). Objektif utama bengkel ini adalah untuk meningkatkan kepakaran editor dalam mengurus gerak kerja editorial secara berkesan dan membuat penambahbaikan terhadap kualiti jurnal dan prosiding agar relevan dengan perkembangan semasa.

Sepanjang bengkel tersebut, para peserta diberi pendedahan berkenaan kepentingan pengindeksan serta kriteria yang diperlukan oleh jurnal dan prosiding untuk diiktiraf oleh badan indeks antarabangsa. Selain itu, bengkel ini turut memfokuskan penambahbaikan kandungan laman *Open Journal System* (OJS) bagi jurnal dan prosiding.

Pesta Buku Utara 2024: *Mengukuhkan Budaya Membaca dan Penerbitan Ilmiah di Malaysia*

Penerbit UTHM telah dijemput untuk turut serta dalam Pesta Buku Utara 2024. Jemputan ini adalah satu penghormatan kepada usaha Penerbit UTHM dalam mempromosikan bahan-bahan bacaan yang berkualiti serta penerbitan ilmiah yang memberi impak besar kepada dunia akademik dan masyarakat. Penyertaan Penerbit UTHM dalam Pesta Buku Utara 2024 ini juga dilihat sebagai satu peluang untuk memperluaskan jangkauan penerbitan yang dihasilkan oleh UTHM kepada audiens yang lebih luas, serta meningkatkan lagi hubungan kerjasama dengan penerbit dan institusi lain yang turut serta. Ini juga adalah satu platform yang baik untuk mempromosikan hasil penyelidikan dan karya ilmiah yang diterbitkan oleh pensyarah dan penyelidik UTHM, yang tentunya dapat memperkayakan lagi khazanah ilmu di negara ini.



Bazar Buku UTHM 2.0: Sambutan Hangat di Perpustakaan Tunku Tun Aminah

Dari 7 hingga 9 Mei 2024, Bazar Buku UTHM 2.0 berlangsung dengan meriah di Ruang Legar, Perpustakaan Tunku Tun Aminah, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM). Acara yang dianjurkan oleh Penerbit UTHM ini berjaya menarik perhatian ramai pengunjung, termasuk pelajar, staf, dan orang awam yang hadir untuk mendapatkan pelbagai bahan bacaan berkualiti serta cenderamata istimewa.

Sepanjang tiga hari berlangsung, bazar ini menjadi tumpuan dengan pelbagai aktiviti menarik seperti jualan buku-buku akademik, novel, buku motivasi, dan pelbagai jenis buku lain yang sesuai untuk pelbagai peringkat umur dan minat. Pengunjung juga berpeluang mendapatkan cenderamata dari UTHM, yang mana kebanyakannya menampilkan logo universiti serta identiti tempatan.

Bazar Buku UTHM 2.0 berakhir dengan jayanya, dan Penerbit UTHM mengajak semua untuk berkunjung ke Kedai Buku UTHM untuk mendapatkan pelbagai bahan bacaan yang sesuai dengan citarasa dan keperluan masing-masing. Mari bersama kita terus memupuk budaya membaca dalam kalangan masyarakat!



Jom Masuk U 2024 Zon Selatan

Pada 1 dan 2 Jun 2024, Dewan Sultan Ibrahim, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) menjadi pusat tumpuan dengan kehadiran lebih 10,000 pengunjung dalam program 'Jom Masuk U Zon Selatan' (JMU 2024). Program yang dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) ini bertujuan memberikan maklumat terkini mengenai peluang melanjutkan pengajian ke institusi pendidikan tinggi di seluruh negara. Sepanjang program, pelbagai aktiviti menarik disediakan untuk pengunjung. Antara yang paling mendapat perhatian adalah program 'YES! Rock The School' bersama TalentCorp, dan Bicara JMU: Hala Tuju Selepas SPM. Pengunjung juga berpeluang mendengar perkongsian daripada pempengaruh media sosial dalam sesi 'Sembang Santai JMU'. Penampilan istimewa penyanyi terkenal Najwa Latif dalam sesi "Kerjaya GIG: Wajarkah Menjadi Pilihan" turut memeriahkan suasana.

Selain itu, program ini juga menampilkan *Showcase* STEM TVET dan Digital UTHM, pameran badan beruniform, persembahan kesenian dan kebudayaan, serta lawatan kampus UTHM. Untuk mereka yang berminat dalam bidang teknologi, pertandingan robotik dan dron turut diadakan, serta menawarkan cabutan bertuah dengan pelbagai hadiah menarik.



Lawatan Penanda Aras ke UIAM, UKM, USIM dan UTeM

6-7 Mei 2024 – Penerbit UTHM telah mengadakan lawatan penanda aras ke empat Penerbit Universiti Awam (UA) (UIAM, UKM, USIM dan UTeM) bagi mendapatkan 'resepi' kejayaan penerbit terbabit dalam usaha untuk meningkatkan lagi mutu pengurusan dan pengoperasian penerbitan di UTHM. Melalui lawatan penanda aras tersebut, cadangan MoU bersama IIUM Press (UIAM) bakal dijalin, di samping berkongsi strategi penerbitan secara kolaborasi.



Majlis Apresiasi Penulis UTHM 2023

8 Mei 2024 – Majlis Apresiasi Penulis UTHM 2023 kepada semua penulis yang telah melakar pencapaian cemerlang bagi penerbitan buku tahun 2023. Majlis yang julung kali diadakan bertujuan untuk menghargai usaha giat penulis dalam menghasilkan karya bermutu dan berkualiti di bawah terbitan Penerbit UTHM. Semoga usaha murni ini dapat diteruskan dan lebih cemerlang!



Lawatan Penanda Aras Universiti Kuala Lumpur (UniKL) ke Penerbit UTHM

3 Julai 2024 – Tunku Azizah Knowledge Centre, Universiti Kuala Lumpur (UniKL), telah membuat lawatan penanda aras ke Penerbit UTHM bagi mendapatkan maklumat dan strategi Penerbit UTHM dalam penerbitan jurnal dan juga buku. Dalam lawatan tersebut, perkongsian idea dan strategi bukan hanya dari Penerbit UTHM, malah dari pihak UniKL dilihat sangat memberangsangkan dalam menerbitkan karya yang bermutu tinggi.



Bengkel Prosiding ke Bab dalam Buku UTHM 2024

20 Ogos 2024 – Satu bengkel penulisan bab dalam buku dari artikel prosiding telah diadakan di Bilik Lestari 2, Perpustakaan Tunku Tun Aminah. Bengkel ini turut mendapat sokongan sepenuhnya oleh Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi, Prof. Ts Dr. Rabiah Ahmad di mana beliau turut hadir dalam bengkel tersebut. Seramai 25 orang editor bab dalam buku telah diberi taklimat mengenai proses penerbitan bab dalam buku oleh Ketua Jabatan Penerbitan, Dr. Shazaitul Azreen Rodzalan. Malah, Timbalan Pengarah Penerbit UTHM, Prof. Madya Dr. Azwan Sapit turut memberi penerangan berkaitan prosiding yang akan diterbitkan sebagai bab dalam buku.



Lets' Walk Together Penerbit UTHM

29 Julai & 28 Ogos 2024 – Selain mendokong dan membantu usaha penerbitan di UTHM, Penerbit UTHM juga telah menjalankan aktiviti *brisk walk* di sekitar UTHM, sebagai aktiviti bulanan pejabat. Aktiviti tersebut bukan sekadar untuk beriadah, malahan dapat mengeratkan lagi hubungan staf di Pejabat Penerbit UTHM. Tahniah kepada semua & *Let's Walk Together!*



Program X-Plore MiNT-SRC 2024 Sempena Seminar Teknikal Rangkaian Makmal Nanoteknologi Kebangsaan (RMNK) 2024

Batu Pahat, Johor - Buat julung kali, MiNT-SRC telah dipilih membuka tirai Seminar Teknikal Rangkaian Makmal Nanoteknologi Kebangsaan (RMNK) bagi tahun 2024 dengan penganjuran program X-PLORE MiNT-SRC. Program yang berlangsung pada 19 Jun 2024 ini mendapat tajaan dana dari Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melalui Pusat Nanoteknologi Kebangsaan (NNC). Ianya berjaya menarik sasaran penyertaan seramai 100 orang peserta dari kalangan penyelidik mikro dan nanoteknologi di universiti dan industri antaranya UTHM, UTM, USIM, Petronas Research SB, MIMOS, Micron Technology dan Salutory Avenue Manufacturing Sdn. Bhd.

Turut hadir adalah YBrs. En. Ismarulnizam Ismail, Ketua Penolong Pengarah NNC, MOSTI bersama delegasinya. Di dalam ucapannya, beliau menjelaskan berkenaan Dasar dan Strategi Nanoteknologi Negara (DSNN) 2021-2030 bagi memacu Malaysia sebagai Negara Berteknologi Tinggi. Seterusnya, beliau menekankan tentang peranan NNC antaranya dengan penubuhan konsortium RMNK yang sehingga Jun 2024 telah disertai oleh 38 ahli dari pelbagai institusi penyelidikan dan industri dalam bidang nanoteknologi. MiNT-SRC juga telah menyertai konsortium RMNK ini pada 2022.

Prof. Madya Dr. Marlia Morsin, Ketua Pusat MiNT-SRC merupakan Pengarah Program X-PLORE MiNT-SRC 2024 ini. Beliau berpendapat bahawa program X-PLORE MiNT-SRC 2024 merupakan satu inisiatif penting untuk memperkenalkan dan mendekatkan pemegang taruh dari universiti, komuniti dan industri dengan kemajuan dan pencapaian dalam bidang mikroelektronik dan nanoteknologi. Program ini dirancang untuk memberi kesedaran dan pengetahuan kepada peserta melalui pendedahan secara teori dan amali penggunaan alatan perincian berteknologi tinggi. Selain itu, secara khususnya, program ini dirangka sebagai hebahan aktiviti penyelidikan, perkhidmatan pengujian serta perundingan yang dijalankan oleh penyelidik MiNT-SRC. Ianya juga diharap dapat membuka peluang kolaborasi antara industri, akademik dan komuniti luar.

Dalam program ini, dua seminar teknikal dan sesi bengkel amali berkenaan Teknologi Plasma dan alat pencirian FESEM telah dijalankan. Slot Teknologi Plasma dikendalikan oleh Prof. Dr. Nafarizal Nayan, Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC), UTHM. Manakala slot FESEM telah disampaikan oleh Prof. Madya. Dr. Fariza Mohamad dengan kerjasama En. Ahmad Nasrull Mohamed. Mereka merupakan Penyelidik Utama dan Penolong Jurutera di MiNT-SRC.

Siri Program RMNK seterusnya akan berlangsung di USM, MIMOS dan UTM. Moga sokongan padu pihak MOSTI dalam membantu perkembangan bidang nanaoteknologi di Malaysia. Program RMNK ini berjaya mewujudkan sinergi kerjasama antara pihak universiti dan industri dalam membangunkan bidang mikroelektronik dan nanoteknologi di Malaysia.



Sesi Lawatan Kerja Rasmi Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) *Techology Depository Agency* (TDA) ke Makmal Pusat Kecemerlangan Industri-Rel (ICoE-Rail)

Batu Pahat, Johor – Sesi Lawatan Kerja Rasmi Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) *Techology Depository Agency* (TDA) ke Makmal Pusat Kecemerlangan Industri-Rel (ICoE-Rail).

Pihak Pusat Kecemerlangan Industri-Rel (ICoE-Rail), Institut Kejuruteraan Integrasi (I²E), UTHM telah menerima kunjungan rasmi oleh YBrs. Dr. Sharoul bin Jambar, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) *Technology Depository Agency* (TDA) ke Makmal ICoE-Rail bertempat di Hub Pendidikan Tinggi Pagoh pada 12 Jun 2024. Manakala, Pihak ICoE-Rail pula diwakili oleh Prof. Madya Ts. Dr. Joewono Prasetijo selaku Penyelidik Utama (PR) di Pusat Kecemerlangan Industri-Rel (ICoE-Rail), UTHM.

Pihak TDA telah dibawa ke Makmal IP9 *Automatic Fare Collection System* (AFC), Makmal IP10 *EDEN Simulation* dan Makmal *Cyber Security* bagi tujuan perbincangan lanjut berkaitan menaiktaraf fungsi makmal sedia ada dan peranan makmal penyelidikan rel dalam melahirkan graduan yang mempunyai kepakaran dalam bidang rel di Malaysia selaras perkembangan teknologi semasa.



Peluncuran Kitab Fiqh Zakat Terjemahan Bahasa Melayu Pertama

29 Mei - YAB Perdana Menteri telah melancarkan terjemahan Buku Fiqh Zakat Karya Dr. Yusuf al-Qaradawi di Majlis Ilmu Madani bertempat di Kompleks Seri Perdana, Putrajaya. Karya terjemahan Bahasa Arab kepada Bahasa Melayu ini diusahakan Institut Ahli Sunnah Wal Jamaah (iSWAJ) UTHM dengan kerjasama Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP) melibatkan penyelidik Jabatan Pengajian Islam PPUK bersama penyelidik IPT tempatan dan Jabatan Mufti. Manakala kos bagi projek terjemahan ini dibiayai oleh Majlis Agama Islam Negeri Johor. Majlis ini juga mendapat liputan daripada akhbar tempatan seperti *The Sun*, *Berita Harian*, *Malaysia Gazette*, *Sinar Harian* dan media seperti *Buletin TV3*, *news'nav*, *Kosmo Online*.



Pelancaran Program Pondok Universiti Musim ke 8 Tahun 2024

21 April - Bertempat di Pejabat Canselor, telah berlangsung Pelancaran Program Pondok Universiti musim ke 8, tahun 2024. Pelancaran ini telah dirasmikan oleh Prof. Shahrudin Mahzan @ Mohd Zin Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), UTHM. Turut hadir dalam pelancaran ini ialah Pengarah Institut Ahli Sunnah Wal Jamaah, Ustaz Hj. Mustapahayuddin Abdul Khalim serta ketua-ketua jabatan iSWAJ.



Kursus Kompetensi Jurusertu

16 & 23 Mei - Institut Ahli Sunnah Wal Jamaah, UTHM telah melaksanakan Kursus Kompetensi Jurusertu di Bilik Seri Siantan, Aras 3 Pejabat Pendaftar. Kursus ini telah dihadiri seramai 20 orang juru pembersihan. iSWAJ amat komited memperkasa industri halal berperanan sebagai perundingan persijilan halal dan kursus berkaitan halal di peringkat negeri dan antarabangsa.



UTHM Teroka Halal Antarabangsa di Filipina

15 Mei - UTHM telah menerima kunjungan hormat 16 orang delegasi dari Bangsamoro Autonomous Region in Muslim Mindanao (BARMM) di bawah Bangsamoro Economics Zone Authority (BEZA), Filipina yang diketuai oleh Naib Datuk Bandar Matanog, BARMM; YBhg. Madam Sanaira Ali bersama wakil Menteri Pelancongan BEZA dan syarikat korporat.

Kunjungan ini dipengerusikan sendiri oleh YBhg. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), UTHM, Prof. Ts. Dr. Rabiah Ahmad bagi menjalin hubungan dan kolaborasi antarabangsa antara Malaysia dan Filipina dalam beberapa sektor dan bidang khususnya dalam pembangunan ekonomi industri halal.

Dengan itu, kunjungan tersebut turut diadakan Majlis Menandatangani Surat Hasrat (LoI) antara Institut Ahli Sunnah Wal Jamaah (iSWAJ) UTHM dengan JNJ EA Management and Consultancy Service Corporation Philippines bagi memperkasakan industri halal di BARMM, BEZA Filipina. Datu Bazer A. Jainal selaku Timbalan Presiden JNJ Philippines Halal Centre mewakili JNJ EA Management and Consultancy Service Corporation Philippines. Manakala iSWAJ UTHM diwakili oleh Pengarah, Hj. Mustapahayuddin Abdul Khalim. Majlis ini disaksikan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) dan Pengarah JNJ Philippines Halal Centre Filipina bertempat di Dewan Al-Farabi, Masjid Sultan Ibrahim, UTHM.



Program Khidmat Komuniti Pusat Pemulihan Dalam Komuniti Suria Impian, Dun Machap, Simpang Renggam

3 April - Program khidmat komuniti pusat pemulihan dalam komuniti telah diwujudkan oleh Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya (JPOKU), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Ianya merupakan satu strategi dalam pembangunan komuniti setempat bagi pemulihan, latihan, pendidikan, penyamaan peluang dan integrasi sosial Orang Kurang Upaya (OKU). PDK dilaksanakan melalui usaha bersepadu OKU, keluarga, komuniti dan perkhidmatan kesihatan, pendidikan, vokasional dan sosial yang bersesuaian. Program ini dikendalikan di seluruh negara dengan penglibatan aktif komuniti sama ada di pusat PDK atau di rumah. Sebagai khidmat sosial, UTHM membantu PDK Suria Impian Dun Machap bagi penyediaan video khidmat komuniti dan bahan sebaran media sosial.



Budaya Malaysia - Brunei Bergema Di UTHM

9 Jun - Kebudayaan kebanggaan masyarakat Johor, tarian Zapin telah dipertontonkan kepada 19 delegasi Negara Brunei Darussalam oleh kumpulan Karisma yang dianggotai oleh mahasiswa UTHM, manakala budaya Negara Brunei Darussalam mempertontonkan warisan seni pertahankan diri iaitu Silat Melayu Brunei oleh mahasiswa Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB). Delegasi KUPU SB diketuai oleh Dekan Fakulti Usuluddin KUPU SB, YM Dr. Norashibah Hj. Awang Besar bersama empat pensyarah fakulti tersebut.

Dalam ucapan aluan Pengarah iSWAJ menekankan “Kepentingan mendalami ilmu dan mengaplikasikannya dalam kehidupan merupakan satu tuntutan dalam Islam. Oleh itu, mahasiswa diingatkan untuk menghayati hadis Baginda Rasulullah SAW berkaitan ilmu”. Program ini dirancang sebagai pengisian bagi Memorandum Persefahaman (MoU) UTHM bersama dengan KUPU SB yang ditandatangani pada tahun 2018. Sepanjang tempoh ini, UTHM – KUPU SB telah berjaya menganjurkan pelbagai aktiviti seperti persidangan, webinar dan mobiliti. Rancangan bagi mengadakan mobiliti pelajar telah dirancang semasa Persidangan Antarabangsa Pemikiran Islam Kali Ketiga 2023 (PEMIKIR 3) sebagai salah satu program dalam MOU.

Kebudayaan Malaysia - Brunei ini dipersembahkan sempena Malam Kebudayaan anjuran iSWAJ, dengan tema “Menjulung Budaya Serumpun” sempena program Rihlah Ilmiah Johor 2024. Program kebudayaan ini diadakan sebagai menyantuni dan meraikan budaya kedua-dua negara Malaysia dan Brunei dan juga meraikan kehadiran delegasi dari KUPU SB ke Negeri Johor dan UTHM khususnya. Dipertontonkan juga pada malam tersebut persembahan Qasidah dan Selawat oleh mahasiswa KUPU SB serta persembahan langsung himpunan lagu keutuhan kumpulan pemuzik Pusat Kebudayaan UTHM bersama mahasiswa UTHM.

Pengarah iSWAJ mengaluakan kehadiran Pengarah Pejabat Antarabangsa, UTHM serta jemputan luar wakil Rektor Kolej Universiti Islam Johor Sultan Ibrahim (KUIJSI), wakil pengetua Maahad Johor dan pegawai pendidikan Daerah Batu Pahat.

UTHM bersedia menawarkan Kursus Kompetensi Halal TVET

24 - 25 Julai - Institut Ahli Sunnah Wal Jamaah (iSWAJ), UTHM kini telah bersedia untuk menjalankan kursus kompetensi dalam bidang Halal dan juga Halal TVET pada hujung tahun ini. Cadangan penawaran ini adalah hasil daripada sesi bengkel selama dua hari bagi Pembangunan Modul Kursus Halal bertempat di Berjaya Waterfront Hotel, Johor Bahru. Bengkel ini dihadiri seramai 20 orang Tenaga Pengajar Halal JAKIM yang terdiri daripada pensyarah UTHM dan wakil industri.



Ekspo Rekapipta UniMAP (Ereka)

25 April - Pada tahun ini pertandingan Ekspo Rekapipta UNIMAP (EREKA) telah dijalankan secara atas talian. UTHM telah menghantar 5 penyelidik untuk menyertai pertandingan ini terdiri daripada Ts. Dr. Norfazillah Talbi, Dr. Azita Ali, Dr. Shazaitul Azreen Rodzalan, Alya Athirah Mohd Idris dan Prof. Madya Dr. Sharifah Adzila Syed Abu Bakar. Kelima-lima penyelidik UTHM ini berjaya merangkul tiga pingat emas, satu pingat perak dan satu gangsa. Setinggi-tinggi tahniah dan syabas diucapkan kepada lima pasukan penyelidikan UTHM atas penyertaan dalam Ekspo Rekapipta UniMAP (EREKA 2024).



Road2Growth 2024 Wilayah Selatan

13 Jun - Medini 6, Iskandar Puteri – Program anjuran Malaysian Technology Development Corporation (MTDC) pada tahun ini telah memilih tiga Syarikat Terbitan Universiti (STU) daripada UTHM iaitu Bambusoideae Technology Sdn. Bhd. Pronature Living Solutions Sdn. Bhd. dan Ittihad Maju Jaya Sdn. Bhd. untuk menyertai sesi *fund pitching* kepada panel-panel industri yang dilantik. Pihak MTDC juga turut membekalkan *booth* pameran kepada ketiga-tiga STU UTHM.

Selain itu, program ini juga menyediakan beberapa sub program lain seperti akses kepada pelbagai pembiayaan perniagaan, pendedahan kepada teknologi AI, latihan kemahiran TVET dan keusahawanan, kaedah transformasi kepada kilang pintar, khidmat nasihat perniagaan dan pendedahan maklumat berkenaan MySTI dan juga perolehan kerajaan. Keputusan *pitching* akan dikemas kini setelah menerima keputusan akhir daripada pihak MTDC. Tahniah diucapkan kepada para peserta.



Majlis Penyerahan Sijil Kelulusan Organisasi Latihan Juruterbang Kawalan Jauh (RPTO) UTHM Oleh Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) Di Putrajaya.

20 Jun - Putrajaya – Majlis Penyerahan Sijil Kelulusan Organisasi Latihan Juruterbang Kawalan Jauh (RPTO) UTHM oleh Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) di Putrajaya.

Setinggi-tinggi tahniah diucapkan kepada Syarikat Terbitan Universiti (STU) Avitex Solution (M) Sdn. Bhd. di atas kejayaan penubuhan RPTO pertama di Malaysia dari Universiti Awam. Majlis penyerahan sijil kelulusan diserikan dengan kehadiran Yang Berhormat Prof. Dato' Ir. Ts. Dr. Ruzairi Abdul Rahim, Naib Canselor UTHM mewakili universiti dan sijil berkenaan telah disampaikan oleh YBhg. Dato' Kapten Norazman Mahmud, Ketua Pegawai Eksekutif CAAM.

Semoga dengan pencapaian ini, STU Avitex Solution (M) Sdn. Bhd., akan terus cemerlang di dalam menyediakan khidmat kepakaran justeru menaikkan nama universiti di mata dunia selaras dengan agenda universiti ke arah *Global Technoprenuer University 2030* (GTU 2030).



International Research And Innovation Symposium Competition 2024 (RISE 2024)

25-26 Jun - Universiti Tun Hussein Onn Malaysia - *International Research and Innovation Symposium Competition (RISE 2024)*. RISE 2024 ini diadakan dengan bertemakan *Innovation in Sustainability and Transportation*. Tema ini memfokuskan kepada teknologi terkini dalam kelestarian inovasi serta infrastruktur pengangkutan. Keadaan ini dapat mengeksplorasi dan memaparkan kemajuan-kemajuan terkini dalam teknologi dan pengangkutan yang mengutamakan aspek kelestarian. Oleh itu, tema RISE 2024 berhasrat untuk menengahkan sekali lagi kepentingan inovasi untuk kepentingan sejagat.

Selain itu, seramai 311 orang peserta telah menyertai pertandingan RISE 2024 dan terdapat 18 pempamer daripada industri di sekitar Batu Pahat dan juga Syarikat Terbitan Universiti (STU) UTHM. Pada tahun ini, RISE 2024 telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Ir. Ts. Dr. Ruzairi Abdul Rahim, Naib Canselor UTHM. Tahniah dan terima kasih kepada semua peserta yang telah menyertai pertandingan RISE 2024.



Antara 18 pempamer industri yang hadir adalah seperti FKAAB *Consultt* Sdn. Bhd., Gastro Sholar PLT, Hasmah Food Sdn Bhd, UTHM Holdings Sdn. Bhd., Putra Specialist Hospital Batu Pahat, Min's Batek (Craft MBC), Perbadanan harta Intelek Malaysia (MyIPO), Preston Geocem Sdn. Bhd., Pronature Living Sdn. Bhd., BYD (EV Supreme Sdn. Bhd.- Batu Pahat), Pusat Teknousahawan Universiti (PTU), Pusat Teknologi Maklumat (PTM), Pusat Kecemerlangan Industri - (ICOE Rail), Avitex Solution (M) Sdn. Bhd., Tiung - Lap, Koperasi UTHM, Pusat Wakaf dan Endowmen, Institusi Kejuruteraan Intergrasi (I²E).

Terdapat juga beberapa jemputan daripada sekolah di sekitar Batu Pahat untuk bersama-sama memeriahkan lagi program ini dan dapat memberi pendedahan kepada pelajar-pelajar sekolah yang hadir mengenai produk-produk inovasi yang telah dihasilkan oleh para penyelidik UTHM dan juga para peserta yang menyertai pertandingan RISE 2024.

Klinik Inovasi dan Komersial di UTHM Kampus Cawangan Pagoh



17 Julai 2024 - Klinik ini merupakan aktiviti dwi mingguan yang diadakan oleh Pusat Inovasi dan Pengkomersialan (ICC) yang bertujuan untuk memudahkan staf akademik yang berada di kampus Pagoh untuk berurusan berkaitan pengkomersialan dan inovasi. Pengoperasian klinik akan berjalan sepanjang tahun secara berkala iaitu dua minggu sekali sama ada hari Selasa atau Rabu bermula jam 10 pagi sehingga 3.00 petang bertempat di Bilik Tamu, Pusat Pengajian Diploma, Blok A, Wing Kanan, Tingkat 2, UTHM Kampus Cawangan Pagoh.

Perkongsian Santai: Celik Pelaburan Saham Patuh Syariah



23 Mei 2024 - Dengan menggunakan platform virtual, perkongsian santai oleh Pengarah, Institut Harta Tanah Malaysia (MyREI), Prof. Madya Sr. Dr. Abdul Jalil Omar ini diadakan bagi memberi kefahaman kepada warga UTHM dan masyarakat umum tentang pelaburan saham di Malaysia. Selain memahami strategi pelaburan saham yang betul, perkongsian ini juga bertujuan memberi panduan terhadap analisa *fundamental* dan analisa teknikal di dalam memilih skim pelaburan saham yang terdapat di negara ini. Dr. Abdul Jalil yang juga dikenali sebagai Dr. Saham adalah seorang *Capital Market Service Representative License* (CMSRL) yang berdaftar dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) dan seorang Perunding Kewangan berdaftar bersama *Malaysian Financial Planning Council* (MFPC). Beliau berpengalaman di dalam aktiviti pelaburan saham, pasaran modal dan pasaran kewangan yang berkesan dan terjamin.

Klinik Pengurusan Harta Pusaka

12 Jun 2024 - Klinik Pengurusan Harta Pusaka yang berlangsung secara fizikal di Pejabat PERKASA UTHM yang terletak di Surau Kolej Tun Syed Nasir ini merupakan program kerjasama di antara MyREI dan Wasiyyah Shoppe Berhad. Klinik ini bertujuan untuk memberi ruang kepada masyarakat sekitar kampus dan kawasan Parit Raja bagi mendapatkan khidmat runding cara berkaitan pengurusan harta pusaka daripada pakar-pakar harta tanah Islam dari Wasiyyah Shoppe yang berpengalaman luas. Program yang dijalankan secara percuma ini telah berjaya menarik minat para peserta memahami tatacara pengurusan harta pusaka Islam selain menyelesaikan masalah dan konflik pengurusan harta pusaka secara komprehensif.



Plant, Machinery & Equipments (PME) Valuation Practice (With Site Inspection to Biodiesel Plant@UTHM)

17 Julai 2024 - Kursus ini telah berjaya dianjurkan di UTHM di mana seramai 57 orang peserta yang terdiri daripada kalangan profesional harta tanah seperti pengurus harta tanah, eksekutif, penilai awam dan swasta, agen harta tanah, dan juga pelajar pasca siswazah yang ingin mendalami asas-asas penilaian loji, jentera dan peralatan (PME). Ia telah memberi kefahaman kepada peserta berkaitan prinsip, kaedah dan tatacara penilaian loji selain peserta diberi pendedahan secara *hands-on* tentang penulisan laporan penilaian loji dan jentera. Kursus sehari ini telah dapat memberi gambaran yang jelas kepada peserta bagaimana kaedah penilaian dilakukan di tapak melalui lawat periksa di loji biodiesel di dalam kampus UTHM. Kursus ini telah dikemudi oleh dua tokoh harta tanah yang terkemuka iaitu Prof. Sr. Dr. Wan Zahari Wan Yusoff (UTHM) dan Sr. Hj. Mohamad Atan daripada Island Property Consultants (IPC) Sdn. Bhd.



Panduan Penulisan Akhbar & Berita

7 Ogos 2024 - Institut Harta Tanah Malaysia (MyREI) telah melaksanakan Bengkel Penulisan Akhbar & Berita di Research Lounge, MyRIVET. Kursus ini telah dihadiri seramai 13 orang peserta dalam kalangan staf akademik yang telah disampaikan oleh Tuan Hj. Shafry Salim yang merupakan Ketua, Pusat Islam UTHM. Tujuan bengkel ini adalah untuk meningkatkan kemahiran dalam penulisan gaya berita dengan tatabahasa, nahu dan format yang betul bagi mengelakkan peserta daripada melakukan kesalahan dalam penulisan nuansa berita. Selain itu, bengkel ini telah mengupas rahsia penulisan berita, perkongsian pengalaman dan kepentingan memahami asas gaya penulisan berita yang boleh menjadi wadah pencetus idea dan maklumat yang terpentas, sahih dan terkini.




Specialised Property Valuation (With Port Inspection to Penang Port)

21-22 Ogos 2024 - Institut Harta Tanah Malaysia (MyREI) telah menganjurkan kursus pendek *Specialised Property Valuation* atau Penilaian Harta Tanah Khas yang telah diadakan pada 21-22 Ogos 2024 di Royale Chulan Penang, Pulau Pinang.

Kursus ini telah mendapat sambutan hangat dengan penyertaan seramai 42 orang peserta yang terdiri daripada profesional seperti penilai awam dan swasta, pengurus harta, eksekutif, akauntan dan sebagainya. Kursus selama 2 hari ini telah mendapat nilai jam latihan sebanyak 10 kredit daripada Lembaga Penilai, Pentaksir, Ejen Harta Tanah dan Pengurus Harta (BOVEAP).

Selain itu, kursus ini juga membolehkan majikan yang mencarum di bawah Dana Pembangunan Sumber Manusia (HRDF) untuk menyertainya dengan UTHM bertindak sebagai Penyedia Latihan yang diiktiraf. Modul kursus ini telah disampaikan oleh enam orang penceramah iaitu Prof. Sr. Dr. Wan Zahari Wan Yusoff (UTHM), Prof. Madya Dr. Mohd Hasrol Haffiz Aliasak (UiTM), Sr. Azman Mab@Adnan (Jabatan Penilaian & Perkhidmatan Harta), Sr. Tun Ahmad Nasrullah Zulkifli (IM Global) serta En. Mohd Shukran Marzukhi dan En. Mohd Shobri Mat Desa dari Penang Port. Yang menarik, peserta kursus ini juga berpeluang melawat ke Jeti Swettenham Pier iaitu pelabuhan bagi kapal persiaran bertaraf antarabangsa dan mempelajari selok-belok operasi pelabuhan tersebut.



Bengkel *Artificial Intelligence* (AI) dan Sains Sosial

9 Mei 2024 - Institut Transformasi Sosial dan Pembangunan Wilayah (TRANSFORM), UTHM telah menganjurkan Bengkel *Artificial Intelligence* (AI) dan Sains Sosial bertempat di Bilik Mesyuarat TRANSFORM, Blok B1, UTHM.

Bengkel ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua staf dan felo penyelidik TRANSFORM UTHM tentang konsep pelaksanaan AI dan Sains Sosial bagi meningkatkan kemahiran yang diberikan dengan keperluan semasa untuk memastikan setiap staf sentiasa berada pada tahap kompetensi yang cemerlang. Bengkel ini juga menjadikan semua staf dan felo penyelidik di TRANSFORM mahir dalam penggunaan teknologi AI dan diaplikasikan dalam tugasannya mengikut keperluan semasa.

Bengkel ini telah disampaikan oleh Encik Abdul Halim Omar iaitu Pensyarah Jabatan Teknologi Maklumat, Pusat Pengajian Diploma, UTHM. Seramai enam orang peserta yang telah menyertai bengkel ini iaitu Pengarah TRANSFORM, Timbalan Pengarah TRANSFORM, tiga orang felo penyelidik TRANSFORM dan seorang pembantu tadbir TRANSFORM.



Temu Bual Bersama Pengurusan Tertinggi Sempena Penerbitan *Coffee Table Book* Kumpulan Prasarana Rakyat Johor Sdn Bhd (KPRJ)

28 Mei 2024 - Institut Transformasi Sosial dan Pembangunan Wilayah (TRANSFORM), UTHM telah menjalankan temu bual bersama Pengurusan Tertinggi sempena Penerbitan *Coffee Table Book* Kumpulan Prasarana Rakyat Johor Sdn. Bhd. (KPRJ) pada 28 Mei 2024 bertempat di KPRJ, Iskandar Puteri, Johor.

Antara Pengurusan Tertinggi KPRJ yang ditemu bual ialah Ketua Pegawai Eksekutif KPRJ iaitu Dato' Lukman Abu Bakar, Ketua Pegawai Operasi KPRJ iaitu En. Zainal Abidin Zakaria, Ketua Pegawai Kewangan KPRJ iaitu En. Khairudin Hasan dan Ketua Sektor Perancangan Strategik KPRJ iaitu Tn. Hj. Mohd Shahrin Dato' Haji Rahmat. Temu bual ini diketuai oleh Pengarah TRANSFORM iaitu Dr. Zahrul Akmal Damin dan dibantu oleh tiga orang felo penyelidik TRANSFORM iaitu Dr. Shahidah Hamzah, Dr. Norizan Rameli dan Dr. Mimi Nahariah Azwani Mohamed.

Pada 7 April 2024 TRANSFORM UTHM telah berjaya memperoleh geran bernilai RM38,280.00 dalam penerbitan *Coffee Table Book* KPRJ untuk merakamkan kisah kejayaan KPRJ sempena 30 tahun penubuhannya untuk dilancarkan pada tahun 2025.



Bengkel Pembangunan *Micro-Credential*

6 Jun 2024 - Institut Transformasi Sosial dan Pembangunan Wilayah (TRANSFORM), UTHM telah menganjurkan Bengkel Pembangunan *Micro-Credential* kepada Staf dan Felo Penyelidik TRANSFORM UTHM, bertempat di Bilik Mesyuarat TRANSFORM, Blok B1, UTHM. Bengkel ini bertujuan untuk memaklumkan kepada staf dan felo penyelidik TRANSFORM UTHM yang terlibat tentang Pembangunan *Micro-Credential* bagi meningkatkan kemahiran dan memastikan setiap staf sentiasa berada pada tahap kompetensi yang cemerlang. Bengkel ini turut menjadikan semua peserta mahir dan dapat menjadi pakar dalam sesuatu bidang melalui program *Micro-Credential*.



Sesi Perkongsian "*Food Security: Challenges & Collaborative Solutions*"

11 Julai 2024 - Institut Transformasi Sosial dan Pembangunan Wilayah (TRANSFORM), UTHM telah menganjurkan Sesi Perkongsian "*Food Security: Challenges & Collaborative Solutions*". Sesi perkongsian ini dijalankan secara atas talian melalui platform *Microsoft Teams* dan telah disampaikan oleh Dr. Zahrul Akmal Damir, Pengarah TRANSFORM UTHM. Seramai 63 orang peserta yang turut hadir dalam menjayakan sesi perkongsian ini. Semoga dengan perkongsian ini dapat memberi manfaat dan kebaikan untuk semua peserta.



Bengkel dan Latihan Pembinaan Laman Web

29 Julai 2024 - Institut Transformasi Sosial dan Pembangunan Wilayah (TRANSFORM), UTHM telah menganjurkan Bengkel dan Latihan Pembinaan Laman Web, bertempat di Bilik Mesyuarat TRANSFORM, Blok B1, UTHM.

Bengkel ini bertujuan untuk memaklumkan dan memberi pendedahan kepada staf di TRANSFORM UTHM tentang pembinaan laman web yang lebih efisien. Selain itu bengkel juga membincangkan dan memantapkan laman web TRANSFORM berdasarkan garis panduan yang telah ditetapkan oleh universiti.

Bengkel ini telah disampaikan oleh En. Saiful Zaree Johar, Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Kanan (TBK), Bahagian Teknologi Pendigitalan, Pusat Teknologi Maklumat. Bengkel ini juga telah melibatkan Pengarah TRANSFORM, seorang felo penyelidik, seorang pembantu tadbir dan seorang pelajar latihan industri di TRANSFORM.



Sesi Taklimat dan Majlis Penyerahan Surat Tawaran Projek PPRN 2.0

7 Mac 2024 - Sesi Taklimat dan Majlis Penyerahan Surat Tawaran Projek *Public-Private Research Network* (PPRN) 2.0 Tahun 2024 oleh YBhg. Dato' Dr. Hj. Megat Sany Megat Ahmad Supian Timbalan Ketua Setiausaha (DASAR) Kementerian Pendidikan Tinggi.



Lawatan dan Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu (JKP) bagi Program Perusahaan Sosial (SE-MOF)

13 Mac 2024 - Lawatan dan Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu (JKP) bagi Program Perusahaan Sosial Kementerian Kewangan (SE-MOF) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia Bil. 1/2024.



Taklimat Senario Penerbitan di Malaysia dan Penanda Aras Prestasi Penyelidikan UTHM MTUN

21 April 2024 - Bertempat di Bilik Persidangan Aras 1, Bangunan Penyelidikan F6, UTHM, satu taklimat telah disampaikan oleh YBrs. Dr. Mohd Farhanulhakim bin Mohd Razip Wee, Ketua Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Kecemerlangan Penyelidikan IPT, Kementerian Pendidikan Tinggi, Malaysia kepada semua Timbalan Dekan Penyelidikan, Pembangunan dan Penerbitan Fakulti dan Pusat Pengajian, Ketua Pusat Kecemerlangan dan penyelidik UTHM.



Majlis Apresiasi Geran Penyelidikan 2022 dan 2023



23 April 2024 - Majlis Apresiasi Geran Penyelidikan 2022/2023, Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) UTHM.



Mesyuarat Pelaksanaan Core Initiative Project CIP SKTU Mentoring Professor



6 Jun 2024 - Mesyuarat Pelaksanaan Core Initiative Project (CIP) SKTU 2024 : *Mentoring Professor*.



Program Audit Dalam, Malaysia Research Assessment Tahun 2024 bagi Data MyRA 2023 UTHM

11 Jun 2024 - Pusat Pengurusan Penyelidikan telah mengadakan Program Audit Dalam, Malaysia Research Assessment Tahun 2024 bagi Data MyRA 2023 UTHM telah diadakan di Bilik Persidangan, Aras 1, Bangunan Penyelidikan, F6.



Program ini turut dihadiri oleh profesor-profesor UTHM yang dilantik sebagai Juru Audit MyRA UTHM, iaitu :

- Prof. Ts. Dr. Rosziati Ibrahim, Ketua Juru Audit MyRA
- Prof. Ts. Dr. Amir Khalid, Juru Audit MyRA
- Prof. Ts. ChM. Dr. Radin Maya Saphira Radin Mohamed, Juru Audit MyRA
- Prof. Ir. Dr. Mohd Amri Lajis, Juru Audit MyRA
- Prof. Ts. Dr. Mohd Farhan Md. Fudzee, Juru Audit MyRA




Pelantikan Semula Timbalan Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) UTHM

1 Julai 2024 - Pelantikan semula Timbalan Pengarah (Bahagian Strategik dan Pembangunan) Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) UTHM yang disampaikan oleh Yang Berbahagia Prof. Ts. Dr. Rabiah Ahmad TNCPI UTHM. Pelantikan ini adalah selama 2 tahun yang bermula dari 1 Julai 2024 hingga 30 Jun 2026.



Taklimat kepada Penerima Geran FRGS dan PRGS 2024

9 Julai 2024 - Sesi Taklimat Kepada Penerima Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) dan Skim Geran Penyelidikan Pembangunan Prototaip (PRGS) Tahun 2024 UTHM.



Lawatan Penanda Aras Politeknik Tun Syed Nasir

30 Julai 2024 - Lawatan Penanda Aras Unit Penyelidikan, Inovasi dan Pengkomersialan Politeknik Tun Syed Nasir Syed Ismail ke Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) UTHM.



Program Outreach Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) @ Selangor 2024

30 April & 1 Mei 2024 - Program *Outreach* KPT@Selangor telah berlangsung dengan jayanya. Program ini merupakan inisiatif KPT yang dianjurkan bersama UTHM dan universiti-universiti awam lain. Pusat Hubungan Industri dan Masyarakat (ICRC) UTHM telah diberi kepercayaan untuk menyelaras pelbagai aktiviti kemasyarakatan di kawasan Bandar Kuala Kubu Baru.

Antara aktiviti yang dijalankan termasuk pemeriksaan kesihatan oleh pasukan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), demonstrasi masakan oleh pasukan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), serta perkhidmatan motosikal oleh politeknik dan kolej komuniti setempat. Selain itu, pasukan UTHM sendiri telah menyediakan perkhidmatan penghawa dingin, pendawaian semula surau, dan pemasangan lampu solar di kawasan tanah perkuburan Islam. Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr. Zambry Abdul Kadir, diiringi oleh Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, YBrs. Prof. Dr. Azlinda Azman, dan Pengarah Bahagian Hubungan Industri, YBhg. Dato' Dr. Mohd Sharil Abdullah, turut meluangkan masa melawat salah satu aktiviti di Masjid Al-Ubudiah bagi menyokong program ini.

Program sebegini bukan sahaja memberi manfaat besar kepada masyarakat setempat, tetapi juga mengeratkan ukhuwah antara kakitangan dan pelajar universiti-universiti awam dengan masyarakat. Ia juga mencerminkan komitmen Kementerian Pengajian Tinggi dalam memperkukuh hubungan antara institusi pendidikan tinggi dan komuniti, selari dengan aspirasi untuk meningkatkan kualiti pendidikan dan kesejahteraan masyarakat.



Industry-Academia Discourse on Advanced TVET (MIAD)

11 Jun 2024 - Rangkaian Universiti-Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) telah menganjurkan MTUN *Industry-Academia Discourse on Advanced TVET* (MIAD) 2024 di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL). MIAD 2024 bertujuan sebagai platform untuk mempertemukan pihak industri dan akademik dalam usaha memperkasa bidang TVET termaju di Malaysia.

Pihak Pusat Hubungan Industri dan Masyarakat (ICRC) UTHM turut serta dalam pameran yang diadakan di sana, memanfaatkan peluang untuk mempamerkan inisiatif dan projek-projek terkini mereka. Program ini juga menampilkan forum akademik yang dibarisi oleh pakar-pakar terkemuka dalam bidang TVET dari kalangan ahli akademik dan industri. Forum ini mengupas topik "*Cross-Cultural Competence for a Globalized TVET Workforce: A Perspective*", yang membincangkan kepentingan kompetensi silang budaya dalam membentuk tenaga kerja TVET yang global.

Selain itu, sesi *CEO Roundtable* turut diadakan, di mana para pemimpin industri berkongsi kepakaran dan pengalaman mereka dalam memacu pertumbuhan masa hadapan TVET. Sesi ini menekankan bagaimana TVET dapat menawarkan latihan dalam bidang pengajian tinggi yang bertujuan untuk melengkapkan pelajar dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk berkembang maju dalam pasaran pekerjaan moden. Melalui perkongsian dengan syarikat dan pakar industri, TVET dapat memastikan peluang kerjaya yang menarik dan memuaskan.

MIAD 2024 berjaya menghimpunkan kumpulan pakar dalam kalangan pemimpin, penggubal dasar, penyelidik, dan pakar industri dunia untuk menerokai masa depan TVET termaju di peringkat global. Program ini juga menyaksikan pelancaran inisiatif '*Advanced TVET 2030*' yang bertujuan meningkatkan kualiti TVET di Malaysia dengan melengkapkan tenaga kerja masa hadapan dengan kemahiran dan gaji yang lebih tinggi.





Kunjungan Hormat Timbalan Naib Canselor UTHM ke Plus Malaysia Berhad

14 Jun 2024 - Satu sesi kunjung hormat telah diadakan ke PLUS Malaysia Berhad, bertempat di Menara Korporat, Persada PLUS, Persimpangan Bertingkat Subang, Petaling Jaya. Lawatan ini diselaraskan oleh Pusat Hubungan Industri dan Masyarakat (ICRC) dan diketuai oleh Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi (TNCPI) UTHM, Prof. Ts. D.r Rabiah Ahmad. Turut mengiringi adalah Pengarah-pengarah dan Dekan-dekan, serta wakil PTJ bagi menjalankan lawatan kerjasama industri bersama PLUS.

Dalam sesi ini, pihak pengurusan tertinggi PLUS Malaysia Berhad yang diketuai oleh Datuk Nik Airina Nik Jaffar, Pengarah Urusan PLUS Malaysia Berhad, telah memberikan penjelasan terperinci tentang proses pengurusan kemudahan lebuhraya dan kerja-kerja penting yang terlibat. Penjelasan ini merangkumi aspek-aspek kritikal seperti penyelenggaraan, keselamatan, dan teknologi yang digunakan untuk memastikan operasi lebuhraya berjalan lancar. UTHM juga dijemput untuk melihat Pusat Pemantauan Trafik (TMC), di mana mereka menyaksikan secara langsung teknologi dan sistem canggih yang digunakan oleh PLUS untuk memantau dan menguruskan trafik. Lawatan ini memberikan gambaran yang jelas tentang bagaimana teknologi terkini digunakan untuk meningkatkan kecekapan dan keselamatan lebuhraya.

Sebagai tanda keramahan dan semangat inovatif, PLUS Malaysia Berhad turut memberi kejutan dengan memaparkan mesej alu-aluan untuk Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi (TNCPI) UTHM di lebuhraya PLUS secara masa nyata. Isyarat ini memperlihatkan komitmen PLUS dalam menjalin hubungan yang erat dengan institusi pendidikan tinggi.

Lawatan ini menandakan permulaan masa depan cerah dalam kerjasama antara UTHM dan PLUS Malaysia Berhad. Kedua-dua pihak berharap dapat mencapai kemajuan besar dalam pengurusan lebuhraya dan pembangunan infrastruktur melalui kolaborasi yang lebih erat di masa hadapan.

Program Pemindahan Ilmu (Knowledge Transfer Program) KTP@Kota Tinggi di Sekolah Kebangsaan (Felda) Lok Heng Selatan, Kota Tinggi Johor.

29 Julai 2024 - Program Pemindahan Ilmu (*Knowledge Transfer Program*) KTP@Kota Tinggi telah diadakan di Sekolah Kebangsaan (Felda) Lok Heng Selatan, Kota Tinggi, Johor. Program ini dirasmikan oleh YB Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin, Ahli Parlimen Kota Tinggi merangkap Menteri Pertahanan Malaysia. Turut hadir dalam majlis ini adalah Prof. Ts. Dr. Rabiah Ahmad, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UTHM; YB Cik Norlizah Noh, ADUN Johor Lama; Prof. Eur Ing. Ir. Ts. Dr. Shahiron Shahidan, Pengarah Pusat Hubungan Industri dan Masyarakat (ICRC) UTHM; Puan Hayati Ibrahim, Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid SK (Felda) Lok Heng Selatan, serta jemputan dari agensi kerajaan negeri, guru-guru, dan murid-murid sekolah sekitar Kota Tinggi.

Program KTP ini memberi fokus kepada Projek Hidroponik Sifar Karbon (HCO₂) di tujuh buah sekolah di Parlimen Kota Tinggi, iaitu SMK Seri Aman, SMK Bandar Kota Tinggi, SMK Bandar Easter, SK Sedili Kecil, SK (Felda) Lok Heng, SK (Felda) Lok Heng Selatan, dan SK Tun Dr Syed Nasir. Projek ini merupakan kerjasama antara Pusat Kecemerlangan Elektromagnet Gunaan (EMCenter), Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FKEE), dan Pusat Hubungan Industri dan Masyarakat (ICRC) UTHM.

Projek ini selaras dengan hasrat kerajaan untuk memperkasakan pendidikan teknikal dan vokasional (TVET) serta sains, teknologi, kejuruteraan, dan matematik (STEM) dalam kalangan pelajar sekolah. Melalui projek ini, pelajar dan guru dari sekolah-sekolah yang terlibat berpeluang untuk mempelajari teknik-teknik hidroponik yang mesra alam dan berteknologi tinggi, yang dapat meningkatkan kemahiran mereka dalam bidang pertanian moden.

Selain itu, turut berlangsung pameran inovasi sosial yang menarik minat para murid dan pelajar sekolah. Pameran ini menampilkan pelbagai projek inovatif daripada Kumpulan *Makerspace* UTHM, *KidSafe* UTHM, dan *Smart Hydroponic* UTHM, yang bertujuan untuk menggalakkan kreativiti dan inovasi dalam kalangan pelajar.



pemasaran.uthm@gmail.com | <http://penerbit.uthm.edu.my>